

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 APRIL 2017

Khusus untuk golongan berpendapatan sederhana di Kuala Lumpur

Sewa rumah RM500

ulm - 18/4/2017

Oleh **ZABRY MOHAMAD**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 APRIL

DENGAN kadar hanya RM500 sebulan, orang ramai khususnya golongan berpendapatan sederhana akan mampu menyewa kediaman bertaraf kondominium di tengah-tengah ibu negara tidak lama lagi.

Kediaman yang dinamakan Pangsapuri Bandaraya @ Sungai Udang, Segambut itu dimajukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, projek yang disifatkan berkonsep luar biasa itu merupakan yang pertama kali diperkenalkan oleh kerajaan.



Pangsapuri Bandaraya

di Sungai Udang, Segambut

Nilai kontrak
RM345 juta

Tarikh
jangka siap
2 Disember 2019

Pangsapuri

- Blok A - 34 tingkat (543 unit)
- Blok B - 32 tingkat (354 unit)
- Blok C - 32 tingkat (354 unit)

Kemudahan

- Kolam renang
- Lot perniagaan
- Lima tingkat
- Surau
- tempat letak kereta
- Dewan

Menurutnya, orang ramai perlu membayar RM800 sebulan iaitu RM500 untuk sewa dan RM300 sebagai simpanan yang akan dipulangkan selepas tamat tempoh sewaan selama lima tahun.

“Projek ini cukup unik dan kreatif, RM500 saja sewa di tengah-tengah Kuala Lumpur dan 10 ke 15 minit dari pusat bandar. Biasanya sewa untuk kediaman jenis ini sekurang-

kurangnya RM2,000 sebulan.

“Selain itu, penyewa perlu menabung RM300 sebulan dan selepas lima tahun, simpanan RM18,000 ini akan dipulangkan kepada penyewa dan boleh dijadikan deposit untuk membeli rumah sendiri,” katanya.

Beliau berucap dalam Majlis Pecah Tanah Pangsapuri Bandaraya @ Sungai Udang, Segambut di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Najib menambah, beliau yakin projek tersebut akan mendapat sambutan hangat daripada orang ramai terutama golongan berpendapatan isi rumah RM10,000 sebulan ke bawah.

Projek bernilai kira-kira RM345 juta yang dijangka siap penghujung 2019 itu mengandungi 1,251 unit apartmen berkeluasan kira-kira 75 meter persegi dengan dua blok setinggi 32 tingkat dan satu blok 34 tingkat.

Selain blok lima tingkat untuk tempat letak kereta, projek berkenaan turut dilengkapi pelbagai kemudahan seperti kolam renang, surau, dewan dan kedai.